



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya, Malaysia

Tel: 03-8000 8000 Email: aduan@rurallink.gov.my | webmaster@rurallink.gov.my

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

E-KERATAN AKHBAR HARIAN

TARIKH : 2 JULAI 2019

RUJUKAN : KPLB.UKK.600-11(52)

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

 www.rurallink.gov.my

 Kementerian Pembangunan Luar Bandar

 [kplb_gov](https://twitter.com/kplb_gov)

 [kplb_gov](https://www.instagram.com/kplb_gov)

 [kplb Official](https://www.youtube.com/kplbOfficial)

TARIKH:

2 JULAI 2019

HALAMAN:

20

ONLINE



Nasional

DPLB tindakan kerajaan capai visi luar bandar sejahtera

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada Khamis lalu, melancarkan Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB) untuk menjadikan luar bandar menarik dan kondusif sebagai tempat tinggal, bekerja dan bagi pelaburan, di samping merapatkan jurang ketidakseimbangan pembangunan antara penduduk bandar dan luar bandar. Ikuti temubual wartawan BH, Suhaila Shahrul Annuar bersama Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Harun bagi mengupas lebih lanjut mengenai DPLB.

Soal Jawab

Soalan: Boleh Datuk Seri terangkan serba sedikit mengenai Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB) yang dilancarkan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini?

Jawapan: DPLB menyediakan kerangka hala tuju secara umum dan strategi pembangunan luar bandar secara menyeluruh, selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDG2030) seperti yang dicadangkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang mana ia meliputi keutamaan dan penekanan baharu yang dikenal pasti. Ia akan menjadi satu dasar utama pembangunan luar bandar yang menyokong dasar dan program pembangunan nasional.

S: Apakah tujuan DPLB ini diperkenalkan?

DPLB adalah tindakan kerajaan untuk menghadapi cabaran yang akan berlaku di kawasan luar bandar bagi mencapai visi luar bandar yang sejahtera. Ia akan menjadi teras kepada hala

tuju pembangunan kawasan luar bandar ke arah Malaysia sebagai negara maju yang sejahtera dan berpendapatan tinggi.

S: Adakah penggabungan DPLB mengambil kira secara keseluruhan cabaran yang dihadapi oleh penduduk luar bandar?

Ya. DPLB adalah kerangka hala tuju yang bersifat inklusif dengan visi 'Luar Bandar Sejahtera' iaitu melahirkan masyarakat luar bandar yang sejahtera dalam pelbagai aspek kehidupan termasuk ekonomi, sosial, budaya dan persekitaran. Pelaksanaannya disokong oleh 10 teras pembangunan luar bandar iaitu ekonomi, keusahawanan, modal insan, prasarana, belia, wanita, kehidupan sejahtera, sistem penyampaian, alam sekitar dan pembangunan.

S: DPLB ini antara lain bagi menarik minat generasi muda untuk terus tinggal di luar bandar. Adakah trend migrasi anak muda ke bandar di tahap yang membimbangkan?

Angka migrasi golongan muda ke luar bandar semakin meningkat tahun ke tahun. Disebabkan itu, dalam teras kelima

DPLB ditekankan keunggulan generasi belia. Jadi penting untuk kita menyediakan prasarana lengkap selaras keperluan semasa dalam memperkasa kehidupan golongan belia luar bandar.

S: Golongan belia turut disertakan dalam aspirasi DPLB ini. Apakah rancangan yang DPLB sediakan untuk golongan ini?

Menyediakan pendidikan ke-mahiran yang inklusif dan beseesuaian dengan keperluan revolusi industri keempat (IR 4.0) dengan menjadikan TVET sebagai pilihan utama belia luar bandar serta memperkua kaedah pengajaran dan

pembelajaran yang menitikberatkan konsep amali. Selain itu, memastikan generasi muda menikmati pendapatan yang berterusan melalui bidang keusahawanan dengan memperkasa belia dalam bidang perniagaan dan keusahawanan selain meningkatkan pembahagian golongan itu dalam sektor ekonomi berpendapatan tinggi.

S: Datuk Seri turut menyebut mengenai prasarana yang menjadi teras kepada DPLB ini. Boleh terangkan lebih lanjut prasarana apakah yang akan dibangunkan melalui DPLB ini?

DPLB ini ke arah memberi liputan prasarana luar bandar

yang lengkap seperti melengkapkan liputan prasarana asas di kawasan luar bandar, contohnya tiada lagi jalan tanah merah di luar bandar menjelang tahun 2030, meningkatkan dan membudayakan sifit kepunyaan dalam kalangan komuniti terhadap prasarana awam serta pengurusan sisa pepejal dan kumbahan yang inovatif di luar bandar.

Selain itu, akses telekomunikasi dan jalur lebar di kawasan luar bandar dengan meningkatkan sistem telekomunikasi jalur lebar mudah alih berkelajuan tinggi, mampu milik, kebolehpasaran tinggi dan berkualiti selain meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap teknologi.

Ya. DPLB adalah kerangka hala tuju yang bersifat inklusif dengan visi 'Luar Bandar Sejahtera' iaitu melahirkan masyarakat luar bandar yang sejahtera dalam pelbagai aspek kehidupan termasuk ekonomi, sosial, budaya dan persekitaran.

Datuk Seri Rina Harun, Menteri Pembangunan Luar Bandar



Dr Mahathir bersama Rina menunjukkan buku Dasar Pembangunan Luar Bandar, pada Majlis Pelancaran Dasar Pembangunan Luar Bandar di Putrajaya, baru-baru ini.